

PEMBERITAHUAN PERTANYAAN DEWAN RAKYAT

PERTANYAAN : BUKAN LISAN

**DARIPADA : TUAN CHARLES ANTHONY SANTIAGO
[KLANG]**

SOALAN : 226

Tuan Charles Anthony Santiago [Klang] minta PERDANA MENTERI menyatakan senarai kesemua lapan perjanjian mengenai pembangunan loji nuklear dan peruntukan setiap perjanjian tersebut termasuk perjanjian-perjanjian lain, berikutan kenyataan CEO Malaysia Nuclear Power Corporation mengenai perkara ini.

JAWAPAN: Y.B. DATUK SERI MAH SIEW KEONG
MENTERI DI JABATAN PERDANA MENTERI

Perjanjian yang dimaksudkan dalam kenyataan Ketua Pegawai Eksekutif *Malaysia Nuclear Power Corporation* (MNPC) dalam akhbar *Malay Mail Online* pada 10 Jun 2015 adalah perjanjian kerahsiaan atau *non-disclosure agreement* antara MNPC dan sembilan (9) pemilik teknologi loji janakuasa nuklear dari Amerika Syarikat, China, Jepun, Kanada, Perancis dan Persekutuan Russia. Walau pun sembilan (9) perjanjian telah dimeterai, tetapi perjanjian-perjanjian ini hanya melibatkan lapan (8) jenis teknologi, kerana dua (2) daripada sembilan (9) pemilik teknologi itu mempunyai teknologi yang sama.

Tujuan kesemua perjanjian berkenaan adalah semata-mata untuk mendapatkan maklumat milik pemilik-pemilik teknologi berkenaan atau *proprietary information* mengenai teknologi loji janakuasa nuklear masing-masing. Maklumat tersebut adalah sensitif dari segi komersil atau *commercially sensitive*, tetapi diperlukan untuk penilaian teknologi loji janakuasa nuklear berkenaan dalam Kajian Kemungkinan, atau dengan izin, *Feasibility Study*, oleh MNPC.

Perjanjian-perjanjian ini telah dimeterai secara berasingan di antara MNPC dan sembilan (9) pemilik teknologi janakuasa nuklear berikut, iaitu:

1. AREVA dari Perancis;
2. ATMEA, iaitu usahasama di antara AREVA dari Perancis dan Mitsubishi dari Jepun;
3. CANDU Energy dari Kanada;

4. China National Nuclear Corporation (CNNC) dari China;
5. Hitachi GE Nuclear Energy (HGNE), iaitu usahasama di antara Hitachi dari Jepun dan General Electric dari Amerika Syarikat;
6. Korea Electric Power Corporation (KEPCO) dari Republik Korea;
7. ROSATOM dari Persekutuan Russia;
8. Toshiba dari Jepun; dan,
9. Westinghouse dari Amerika Syarikat.

Sehubungan ini, Hitachi GE Nuclear Energy (HGNE) dan Toshiba mempunyai teknologi loji janakuasa nuklear yang sama, iaitu *Advanced Boiling Water Reactor (ABWR)*.

Sekian, terima kasih.